

FRP 2022 kembali meriahkan Ramadan

PUTRAJAYA – Perbadanan Putrajaya (PPj) menjangkakan 500,000 pengunjung bakal memeriahkan Festival Ramadan Putrajaya 2022 (FRP 2022) yang akan diadakan mulai 31 Mac sehingga 2 Mei depan.

Pengerusi Jawatankuasa FRP 2022, Nik Shukri Nik Soh berkata, empat komponen utama bakal diadakan sepanjang festival berkenaan membabitkan Bazar Ramadan, Anjung Syawal, Kiblat Walk dan Laman Iftar.

Beliau berkata, FRP 2022 bermula tiga hari lebih awal tarikh 1 Ramadan akan beroperasi dari pukul 10 pagi hingga 12 tengah malam di Dataran Putrajaya Presint 3, Kompleks Perbadanan Putrajaya dan kawasan bersebelahan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin (MTMZA).

“Bagi komponen Bazar Ramadan Putrajaya, terdapat 160 gerai yang menjual juadah berbuka puasa di bazar Ramadan Putrajaya bermula dari pukul 3 petang hingga 8 malam bertempat di lot berhampiran MTMZA.

“Anjung Syawal pula menawarkan lebih 200 gerai yang turut disertai beberapa selebriti dan pempengaruh (Instafamous) tempatan,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau yang juga Naib Presiden Jabatan Perkhidmatan Bandar PPj berkata, PPj juga telah meluluskan 100 tapak bazar Ramadan bertempat di parkir Park & Ride, Presint 14 yang diuruskan oleh pihak swasta.

Katanya, selain daripada bazar Ramadan, pengunjung boleh mendapatkan juadah berbuka di Laman Iftar yang terletak antara pekarangan Kompleks PPj.

“Terdapat 16 buah gerai yang menjual pelbagai juadah berbuka dari pukul 4 petang hingga 12 tengah malam.

“Pengunjung boleh memilih untuk berbuka puasa dan moreh di Laman Iftar berkonsepkan outdoor cafe di Kompleks PPj.

“Mereka juga boleh berbuka puasa di padang berhadapan Kompleks PPj yang juga lokasi ikonik berbuka santai bersama rakan-rakan dan keluarga,” katanya.

Bagaimanapun, katanya, had maksimum pengunjung di bazar Ramadan adalah 800 hingga 1,000 orang.

“PPj akan menyediakan pas masuk kepada pengunjung yang hadir dengan peruntukan masa pembelian juadah berbuka antara 15 hingga 30 minit,” katanya.



KIRA-KIRA 500,000 pengunjung bakal memeriahkan FRP 2022 di Putrajaya mulai 31 Mac sehingga 2 Mei depan. – GAMBAR HIASAN



ORANG ramai melewati lintasan pejalan kaki Fries McDonald's di Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur. - Gambar NSTP/AIUDDIN SAAD

Oleh Sri Ayu Kartika Amri

kartika@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

McDonald's Malaysia merancang untuk terus mewujudkan peluang pekerjaan kepada warga kota dengan pembukaan 30 cawangan McDonald's baharu di sekitar Kuala Lumpur.

Pengarah Urusan dan Rakan Operasi Tempatan McDonald's Malaysia, Datuk Azmir Jaafar berkata, setakat ini pihaknya mempunyai kira-kira 60 rangkaian McDonald's di Kuala Lumpur.

Katanya, jumlah itu dijangka terus bertambah pada masa akan datang.

"Menjelang 2026, dalam perancangan syarikat, kami menasarkannya untuk membuka 30 lagi cawangan baharu.

"Kami menjangkakan terdapat sekitar 100 restoran McDonald's di Kuala Lumpur menjelang 2026.

"Kami percaya dengan pembukaan restoran McDo-

Terus wujud peluang kerja

McDonald's Malaysia rancang buka 30 lagi cawangan baharu di sekitar Kuala Lumpur



AZMIR

nald's ini nanti mampu mewujudkan peluang pekerjaan sekali gus membantu pembangunan bandar raya Kuala Lumpur.

"Dijangkakan antara 3,000 ke 4,000 peluang pekerjaan bakal diwujudkan menerusi pembukaan 30 cawangan baharu McDonald's di ibu kota," katanya kepada media selepas majlis pengenalan lalu lintas pejalan kaki Fries McDonald's di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim.

Azmir berkata, idea lalu lintas berbentuk kentang goreng McDonald's itu hasil kerjasama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi mentransformasi pejalan kaki sedia ada di Bukit Bintang serta men-

jadikannya daya tarikan pengunjung.

Menurutnya, dengan membuka cawangan baharu, McDonald's turut menyumbang kepada pembangunan sekitarnya.

"Biasanya, untuk membuka satu restoran modal diperuntukkan lebih kurang RM6 juta dan daripada situ selalunya kita akan mengindahkan sekali kawasan sekitar.

"Begitu juga kawasan sekitar McDonald's memang selalu menjadi daya tarikan untuk peniaga lain datang seterusnya menjadi pencetus perkembangan kepada setiap lokaliti," katanya.